

Tengkujuh: Ikan baung laris dalam sejam

UM 20/12/23 MIS 31

DUNGUN: Musim tengkujuh memberi limpahan rezeki kepada seorang peniaga ikan sungai apabila lebih 120 kilogram ikan baung yang dijualnya di Kampung Che Lijah, di sini ‘licin’ dibeli orang ramai hanya dalam tempoh satu jam.

Mohd. Zulkairie Abdul Rahman, 50, yang tinggal di Kampung Durian Mentangau, berkata, ikan baung sungai yang ditangkap menggunakan buba dan pukat di Sungai Paka, mendapat permintaan tinggi setiap kali musim tengkujuh.

“Alhamdulillah, memang setiap kali musim tengkujuh ikan sungai yang saya tangkap laris dijual.

“Setiap hujung minggu, saya dapat menjual lebih 100 kilo-

gram ikan sungai dan antara yang mendapat permintaan tinggi ialah ikan baung,” katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia*, di sini, semalam.

Mohd. Zulkairie yang dibantu menantunya, Mohd. Sabri Kamaruddin, 30, berkata, dia menjual ikan baung dengan harga RM30 untuk satu kilogram.

“Kami hanya bermiaga tiga hari seminggu iaitu pada hari Jumaat, Sabtu dan Ahad. Biasanya kami dapat RM300 hingga RM400 sehari,” katanya.

Sementara itu, Mohd. Sabri berkata, selain ikan sungai, mereka turut menjual ikan patin dan tilapia yang ternak dalam sangkar.



MOHD. ZULKAIRI ABDUL RAHMAN menjual ikan baung di Kampung Che Lijah, Dungun, semalam.